

13 NOV 2000

TABUNG HAJI-MAS

TABUNG HAJI SEDIA TIMBANG BELI SAHAM DALAM MAS

IPOH, 13 Nov (Bernama) -- Tabung Haji sedia menimbang untuk membeli saham dalam Penerbangan Malaysia (MAS) jika kerajaan membuat tawaran kepadanya selaras dengan rancangan Tabung Haji untuk memiliki kapal terbang bagi perkhidmatan haji.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Abdul Hamid Othman berkata dengan adanya pegangan saham dalam MAS, ianya selari dengan hasrat Tabung Haji itu untuk memiliki ataupun menyewa kapal terbang bagi memudahkan perkhidmatan hajinya setiap tahun.

"Bagaimanapun, ini semua bergantung sama ada kerajaan nak bagi atau tidak kepada Tabung Haji untuk memiliki saham dalam MAS, yang akan diputuskan oleh Kenmesterian Kewangan," katanya kepada pemberita selepas upacara perasmian bangunan Tabung Haji bernilai RM21.1 juta, di sini hari ini

Bangunan yang siap dibina tahun lepas itu mulai diduduki Jun tahun ini. Ia menempatkan pejabat Tabung Haji dan juga Mahkamah Syariah. Perasmian bangunan itu disempurnakan oleh Sultan Perak, Sultan Azlan Shah.

Abdul Hamid berkata Kementerian Kewangan akan menentukan syarikat mana yang sesuai untuk memegang saham dalam MAS, dan biasanya kerajaan akan memilih syarikat yang mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang tersebut.

Beliau juga berkata sekiranya diminta membeli saham MAS, Tabung Haji akan terlebih dahulu memastikan pelaburan itu tidak akan menimbulkan kontroversi seperti yang berlaku sebelum ini.

Tabung Haji, katanya, pernah memegang saham dalam MAS, bagaimanapun ia terpaksa melepaskan pegangannya pada tahun 1989 secara beransur-ansur apabila timbul kontroversi di mana pencarumnya membawa isu MAS menghidangkan minuman keras dalam penerbangannya.

MAS ketika ini diterajui oleh pengerusinya, Tan Sri Tajudin Ramli, berikutan pegangan 29.09 peratus ekuiti menerusi Naluri Bhd.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan melepaskan "saham istimewa" khas miliknya dalam MAS jika ia dianggap sebagai penghalang kepada pelabur-pelabur asing yang berminat mengambil pegangan dalam MAS. -- BERNAMA

HK JR